



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 10 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI BANCI KERUGIAN PETANI, PENTERNAK MANGSA BAH DI BALING, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	IKAN SEJUK BEKU TAMPUNG BEKALAN MUSIM TENGGUJUH, UM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	JUALAN MURAH KELUARGA MALAYSIA, SEMBILAN DUN MELAKA ANJUR SETIAP MINGGU, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI banci kerugian petani, penternak mangsa bah di Baling



Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) menyampaikan bantuan peralatan perniagaan dan pertanian kepada usahawan Parlimen Jasin di Merlimau Utara, hari ini. - NSTP/AMIR MAMAT

JASIN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang melakukan bancian terhadap kerugian yang dialami golongan petani dan penternak yang terjejas akibat banjir di Baling, Kedah.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pihaknya menerusi jabatan serta agensi

di bawah MAFI seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang memantau situasi bencana itu di beberapa kawasan dalam daerah terbabit.

Ditemui pemberita selepas Program Peningkatan Ekonomi Kepada Usahawan dan Peniaga Kecil dan Petani Parlimen Jasin, di sini hari ini, beliau berkata, hasil bancian itu akan diteliti MAFI sebelum perbincangan diadakan mengenai penyaluran bantuan terbabit.

"Bantuan akan disalurkan segera kepada golongan terbabit sebaik perbincangan itu selesai kelak. MAFI berdukacita dengan situasi berkenaan dan berharap semua mangsa terbabit bersabar dengan ujian Allah ini," katanya.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, pihaknya sudah melakukan bancian awal susulan banjir kali pertama di daerah berkenaan, namun diteruskan semula baru-baru ini selepas kejadian sama berulang.

Sehubungan itu, katanya, MAFI mengambil keputusan untuk mengumpul terlebih dulu data serta bancian yang dibuat sebelum membentangkannya pada mesyuarat khas.

"Insya-Allah, MAFI juga terkesan apabila ada dalam kalangan petani, penternak dan nelayan yang terjejas akibat sesuatu bencana dan sudah pasti, kami prihatin serta akan menghulurkan bantuan sewajarnya.

"Ia sejajar dengan konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu semua nasib rakyat sentiasa diberikan perhatian dan dibela," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Ikan sejuk beku tampung bekalan musim tengkujuh



AHMAD Yakob (dua dari kiri) selepas merasmikan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 Negeri Kelantan di Kampung Paloh, Tumpat, Kelantan, hari ini. - FOTO/ROHANA ISMAIL

TUMPAT: [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia \(LKIM\)](#) akan memastikan bekalan ikan semasa musim tengkujuh mencukupi dengan menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku menerusi kaedah Q'Fish di

negeri-negeri yang berlaku banjir hujung tahun nanti.

Q'Fish merupakan teknologi pembekuan pantas individu (IQF) yang digunakan agar bekalan ikan dapat disimpan dalam tempoh lama.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Kusuadi Sallih berkata, bagaimanapun, pihaknya masih belum menetapkan negeri yang bakal dijadikan sebagai pusat pengumpulan stok simpanan ikan kerana ia masih dalam peringkat persediaan menghadapi bencana banjir tahun ini.

“LKIM sedang menyediakan rangka kerja untuk penyediaan bekalan ikan ke seluruh negara melalui stok bekalan ikan.

“Kita juga bakal menyediakan pusat pengumpulan ikan di negeri yang dipilih nanti bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi semasa musim tengkujuh,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 Negeri Kelantan di Kampung Paloh di sini hari ini yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Ahmad memberitahu, sebanyak 22 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan telah melaksanakan PJMKM 2.0 dengan nilai jualan melebihi RM1.2 juta dan dikunjungi seramai 24,335 orang sehingga semalam.

Katanya, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan bersama LKIM sentiasa komited untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi bagi terus menjamin sekuriti makanan di negeri ini.

Tambahnya, ia merupakan usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup ketika ini. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2022	BERITA RTM	ONLINE	

Jualan Murah Keluarga Malaysia , sembilan Dun Melaka anjur setiap minggu



MELAKA, 10 September- Memasuki minggu ke empat penganjuran Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) di Melaka, ia telah berjaya dilaksana di kesemua 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri itu.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhamad, penganjurannya di 20 DUN termasuk di DUN Telok Mas, DUN Banda Hilir dan DUN Pantai

Kundur hari ini melengkap jumlah DUN yang melaksanakannya.

Jelasnya, daripada keseluruhan DUN yang melaksanakan program ini, sembilan DUN mengambil inisiatif untuk menganjurkannya pada setiap minggu.



(Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhamad)

"Jadi dengan laksananya program JMKM ini kita rekodkan semua DUN kita buat, ada sembilan DUN yang setakat ini mereka buat setiap minggu daripada 28 DUN ada sembilan DUN kita rekodkan, kita berikan ruang dan memohon kerjasama daripada pihak JAPERUN untuk membantu kami,"katanya

kepada RTM ketika membuat tinjauan pelaksanaan JMKM di Pasaraya Sejati, Telok Mas.

Sebanyak 60,000 barangan meliputi sembilan item antaranya beras, minyak, gula dan telur di pasaraya ini diberi pengurangan harga sepanjang pelaksanaan JMKM pada hari ini dan esok.

Mengulas lanjut Datuk Ghazale berkata, setakat minggu lalu, program JMKM di Melaka merekodkan nilai jualan sebanyak RM1.4 juta dengan hampir RM70,000 subsidi telah disalurkan kepada peniaga terlibat untuk barangan yang ditawarkan.

Penganjuran Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) di Melaka ini terus mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

Orang ramai menyambut baik inisiatif dilaksana kerajaan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka itu yang sedikit sebanyak memberi penjimatan dalam membeli barangan keperluan harian.

"Alhamdulillah, saya suka program ini, sebab ia dapat bantu orang ramai, dan saya pula dekat rumah cucu pun ramai..alhamdulillah jimat budak-budak suka mkana ayam, dapat beli tiga ke empat ekor hari ni, alhamdulillah," kata Lema Mustamin.

"Alhamdulillah saya rasa memang sangat membantu macam saya suri rumah dan jika harga walaupun potong RM1, tapi kalau beli banyak, saya dapat jimat banyak juga untuk perbelanjaan dapur," kata Salwani Abdul Samad



(Potongan harga Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKN) di sini)

"Membantu juga program sebegini, sebab barang semua murah, minyak, telur, beras, dan saya berharap program ini dapat diteruskan lagi kerana ia sangat membantu rakyat semua" kata Md Muadz Md Zydai

Harapan mereka program ini dapat terus dilaksana dari semasa ke semasa.

Sementara itu bagi pemilik premis pula, langkah dilaksana ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk promosi premis jualan kepada orang ramai.

"Amat bagus sekali, program seperti ini diadakan sebab selain dapat membantu masyarakat untuk , mendapatkan harga barang murah dia juga turut membantu peniaga mempromosi kan kedai kami keseluruhan barang yang kami sediakan dalam 60,000 keseluruhan dalam sembilan item barang harian, gula, tepung minyak ikan sayur buah-buahan , " kata pemilik premis di sini Muhaamd Redzuan Phua.